



GARIS PANDUAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN REKREASI (RV)

suatu rujukan mengenai proses pendaftaran dan pelesenan kenderaan rekreasi (recreational vehicle - RV) sebagai Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP) bagi Semenanjung Malaysia dan Kereta Sewa Pandu (KSP) bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

Tahun 2026

1. PENGENALAN

Garis Panduan ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memastikan Kenderaan Rekreasi (RV) Perdagangan yang dikategorikan di bawah kelas lesen Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP)/ Kereta Sewa Pandu (KSP) mematuhi ketetapan syarat kelulusan pelesenan dan pematuhan standard oleh pihak berkuasa terhadap penggunaan sesebuah kenderaan RV di Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

Kenderaan rekreasi atau lebih dikenali sebagai *recreational vehicle* dengan singkatannya sebagai 'RV' kini semakin popular di kalangan pengguna atau pemilik kenderaan di Malaysia. Kenderaan rekreasi ini juga dikenali sebagai 'penginapan bergerak' memandangkan fungsinya selain bagi tujuan melakukan percutian rekreasi, ianya juga berfungsi sebagai alternatif untuk menggantikan penginapan konvensional seperti hotel, chalet dan homestay.

Pada ketika ini, kenderaan RV hanya dibenarkan untuk didaftarkan dan dilesenkan bagi kegunaan persendirian sahaja. Namun demikian, pada 14 Ogos 2025 yang lepas, YB. Menteri Pengangkutan telah meluluskan suatu dasar baharu berhubung pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan RV iaitu sebagai pendekatan strategik bagi membuka peluang melesenkan kenderaan RV bagi tujuan komersial tertakluk kepada syarat-syarat teknikal dan keselamatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Pelaksanaan dasar baharu ini adalah seiring dengan perkembangan industri pelancongan domestik dan evolusi ke arah gaya hidup moden serta permintaan terhadap penggunaan kenderaan RV di Malaysia turut menunjukkan peningkatan yang ketara. Ianya dijangkakan dapat merangsang pertumbuhan sektor pelancongan domestik melalui penyediaan mod pengangkutan alternatif yang lebih selamat, selesa dan fleksibel selaras dengan perkembangan industri pelancongan global serta permintaan pasaran semasa.

Oleh yang demikian, garis panduan ini disediakan bagi memperincikan spesifikasi teknikal kenderaan, syarat-syarat pelesenan serta prosedur kelulusan kenderaan untuk dikuatkuasakan di peringkat pengeluar, pengimport, pengusaha, dan pemilik kenderaan RV di Malaysia. Ianya juga berperanan sebagai suatu rujukan rasmi kepada semua pihak berkepentingan dalam memastikan bahawa semua kenderaan RV yang digunakan di atas jalan raya memenuhi piawaian keselamatan dan syarat pelesenan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

3. TAFSIRAN

Bagi tujuan garis panduan ini:

- 3.1. “*Completely Knocked Down (CKD)*” ertinya merujuk kepada suatu kenderaan yang dipasang lengkap sepenuhnya oleh pengilang di Malaysia;
- 3.2. “*Completely Built-Up (CBU)*” ertinya merujuk kepada suatu kenderaan yang diimport lengkap sepenuhnya;
- 3.3. “*Kenderaan Rekreasi (RV)*” ertinya suatu kenderaan di bawah kategori *Special Purpose Vehicle (SPV)* yang dibina untuk tujuan penginapan / perjalanan rekreasi yang sekurang-kurangnya dilengkapi dan dipasang secara kekal (*rigidly fixed*) di dalam ruang menginap dengan setiap peralatan berikut:
 - a) kerusi dan meja;
 - b) tempat tidur;
 - c) kemudahan memasak; dan
 - d) tempat penyimpanan barangan / kabinet;
- 3.4. “*Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP)/ Kereta Sewa Pandu (KSP)*” adalah suatu kenderaan motor yang disewakan bagi maksud dipandu oleh penyewa atau penamanya sama ada pelancong atau bukan pelancong dan digunakan secara eksklusif untuk membawa pelancong atau pelancong-pelancong;
- 3.5. “*Kategori M*” ertinya suatu kenderaan bermotor yang direka dan dibina untuk membawa penumpang dan dibahagikan kepada sub-kategori berikut:
 - a) M_1 – Kenderaan yang mempunyai tidak lebih daripada lapan (8) tempat duduk, tidak termasuk tempat duduk pemandu;
 - b) M_2 – Kenderaan yang mempunyai lebih daripada lapan (8) tempat duduk, tidak termasuk tempat duduk pemandu dan mempunyai berat maksimum tidak melebihi 5,000 kilogram; dan
 - c) M_3 – Kenderaan yang mempunyai lebih daripada lapan (8) tempat duduk, tidak termasuk tempat duduk pemandu dan mempunyai berat maksimum melebihi 5,000 kilogram.
- 3.6. “*Kategori N*” ertinya suatu kenderaan bermotor yang direka dan dibina untuk membawa barangan dan dibahagikan kepada sub-kategori berikut:

- a) N₁ – Kenderaan dengan berat maksimum tidak melebihi 3,500 kilogram;
 - b) N₂ – Kenderaan dengan berat maksimum melebihi 3,500 kilogram tetapi tidak melebihi 12,000 kilogram; dan
 - c) N₃ – Kenderaan dengan berat maksimum melebihi 12,000 kilogram;
- 3.7. “*Kategori O*” ertinya suatu treler termasuk semi-treler yang direka dan dibina untuk ditunda oleh kenderaan bermotor dan dibahagikan kepada sub-kategori berikut:
- a) O₁ – Treler dengan berat maksimum tidak melebihi 750 kilogram;
 - b) O₂ – Treler dengan berat maksimum melebihi 750 kilogram tetapi tidak melebihi 3,500 kilogram;
 - c) O₃ – Treler dengan berat maksimum melebihi 3,500 kilogram tetapi tidak melebihi 10,000 kilogram; dan
 - d) O₄ – Treler dengan berat maksimum melebihi 10,000 kilogram;
- 3.8. “*Special Purpose Vehicle (SPV)*” ertinya suatu kenderaan di bawah kategori M, N atau O yang dilengkapi dengan kelengkapan atau susun atur badan tertentu, khususnya bagi melaksanakan suatu fungsi khas yang ditetapkan.

4. OBJEKTIF

- 4.1. Mewujudkan suatu rujukan dokumen secara bersepadu di peringkat industri melibatkan ketetapan syarat kelulusan pelesenan dan pematuhan standard oleh pihak berkuasa terhadap penggunaan sesebuah kenderaan RV di Malaysia.
- 4.2. Menyelaras perincian mengenai spesifikasi teknikal pembinaan kenderaan, penggunaan kenderaan, syarat-syarat pelesenan kenderaan dan prosedur kelulusan kenderaan khususnya melibatkan kenderaan RV bagi tujuan perdagangan sebagai Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP)/ Kereta Sewa Pandu (KSP).

5. SKOP

Garis panduan ini akan terpakai kepada semua kenderaan di bawah kategori M, N dan O sama ada CKD atau CBU yang dibina khusus sebagai suatu kenderaan rekreasi (RV) atau diubahsuai bagi tujuan dilesenkan sebagai Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP)/ Kereta Sewa Pandu (KSP).

6. PENGELASAN KENDERAAN REKREASI

6.1. Suatu Kenderaan RV akan dikategorikan kepada empat (4) sub-kategori iaitu seperti berikut, iaitu:

- a) *Karavan / Camper Van;*
- b) *Motorhome / Camper Bus;*
- c) *Camper Pick-up / Camper Truck;* dan
- d) *Treler Karavan;*

6.2. Perincian lanjut bagi setiap sub-kategori tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

6.3. Segala urusan melibatkan kenderaan tersebut di peringkat JPJ akan menggunakan maklumat klasifikasi dan kod badan kenderaan seperti yang telah ditetapkan tersebut.

6.4. Mana-mana kenderaan barangan dibina semula (*rebuild*) adalah tidak dibenarkan untuk diubahsuai atau dibina semula sebagai suatu kenderaan rekreasi.

7. KATEGORI PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN REKREASI

7.1. Setiap kenderaan RV yang digunakan di atas jalan raya adalah dikehendaki untuk didaftarkan dan dilesenkan berdasarkan ketetapan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

7.2. Setiap kenderaan RV adalah layak dipertimbangkan untuk didaftarkan dan dilesenkan di bawah kelas kegunaan persendirian (individu / syarikat).

7.3. Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2026, sesebuah kenderaan RV adalah layak dipertimbangkan untuk dilesenkan di bawah kelas kegunaan perdagangan sebagai Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP) / Kereta Sewa Pandu (KSP) sekiranya memenuhi ketetapan berikut:

Kenderaan RV baharu

- a) suatu kenderaan RV baharu sama ada binaan tempatan (CKD) atau import baharu sepenuhnya (CBU);
- b) mana-mana kenderaan RV di bawah kategori kenderaan import terpakai tidak layak untuk dilesenkan sebagai Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP) / Kereta Sewa Pandu (KSP) dan hanya boleh dilesenkan sebagai persendirian (individu / syarikat) sahaja.

Kenderaan RV yang telah berdaftar sebagai persendirian individu/syarikat sebelum 1 Januari 2026

- a) had usia melesen kenderaan RV tersebut hendaklah tidak melebihi 14 tahun daripada tarikh pembuatannya;
 - b) had usia kenderaan bagi sesebuah kenderaan RV sebagai Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP) / Kereta Sewa Pandu (KSP) adalah tidak melebihi 15 tahun daripada tarikh pembuatannya;
 - c) kenderaan RV tersebut hendaklah lulus Pemeriksaan Awalan di peringkat Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM);
 - d) setiap permohonan pelesenan kenderaan RV sebagai kenderaan Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP) / Kereta Sewa Pandu (KSP) hendaklah dikemukakan kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sekurang-kurangnya dalam tempoh enam (6) bulan sebelum usia kenderaan itu mencapai 14 tahun daripada tarikh pembuatannya;
- 7.4. Mana-mana kenderaan RV yang tidak menepati syarat-syarat di perenggan 7.3 di atas hanya layak dilesenkan di bawah kelas kegunaan persendirian (individu / syarikat) sahaja.
- 7.5. Kenderaan RV yang telah mencapai had usia 15 tahun daripada tarikh pembuatan hendaklah dilesenkan di bawah kelas kegunaan persendirian (individu / syarikat).

8. PROSEDUR UTAMA PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN REKREASI

- 8.1. Bagi tujuan melesenkan suatu kenderaan RV sama ada di bawah kelas kegunaan perdagangan sebagai Kenderaan Sewa Pandu Perdagangan (KSPP) / Kereta Sewa Pandu (KSP), carta alir prosedur yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- 8.2. Setiap kenderaan RV Perdagangan hendaklah mempunyai permit sebagai Kenderaan Sewa Pandu Pelancongan (KSPP) / Kereta Sewa Pandu (KSP) yang diluluskan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) / Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah/ Sarawak.

9. SPESIFIKASI ASAS PEMBINAAN KENDERAAN REKREASI

- 9.1. Setiap kenderaan RV hendaklah dilengkapi dengan segala komponen, sistem, kelengkapan dan aksesori yang menjadi kepada asas pembinaan sesebuah kenderaan bagi kegunaan di atas jalan raya seperti mana telah ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959.
- 9.2. Setiap komponen, sistem, kelengkapan dan aksesori tersebut hendaklah mematuhi standard yang telah ditetapkan dan berfungsi sebagai mana dinyatakan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959.
- 9.3. Ukuran dan reka bentuk badan kenderaan RV hendaklah mematuhi kepada ketetapan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959 iaitu seperti berikut:

Perkara	Ketetapan
Panjang keseluruhan kenderaan	a) maksimum 13 meter bagi kenderaan RV jenis badan <i>rigid</i> iaitu <i>motorhome/camper bus</i> (MTH), <i>caravan/camper van</i> (KVN) dan <i>camper truck/camper pick-up</i> (CPT); b) maksimum 9 meter bagi treler karavan (TKV).

Perkara	Ketetapan
Lebar keseluruhan kenderaan	a) maksimum 2.6 meter; dan b) setiap sisi badan kenderaan tidak melebihi 152mm daripada permukaan luar tayar pada tayar yang paling belakang kenderaan itu.
Tinggi keseluruhan kenderaan	a) pengiraan berdasarkan <i>rear wheel track</i> x 1.75; atau b) maksimum 4.2 meter.
Juntaian belakang (<i>rear overhang</i>)	maksimum 50% daripada jarak roda (<i>wheelbase</i>) kenderaan

10. SPESIFIKASI TAMBAHAN PEMBINAAN KENDERAAN REKREASI

10.1. Susun atur dalaman kenderaan rekreasi

- a) setiap kenderaan RV hendaklah sekurang-kurangnya dilengkapi dan dipasang secara kekal (*rigidly fixed*) di dalam ruang menginapnya dengan setiap peralatan berikut:
 - tempat duduk dan meja (boleh dilipat atau diselaraskan untuk tujuan penjimatan ruang);
 - tempat tidur yang tetap;
 - kemudahan memasak yang selamat; dan
 - tempat penyimpanan barangan / kabinet;
- b) kelengkapan tambahan seperti tandas, sinki, peti sejuk, kipas, pendingin udara, alat pemanas air dan tangki air adalah dibenarkan untuk dipasang pada kenderaan, tertakluk kepada pematuhan aspek keselamatan kenderaan serta tidak mengganggu pengoperasian mana-mana sistem utama kenderaan.
- c) semua kemudahan dan kelengkapan yang terdapat di dalam kenderaan RV hendaklah berada pada kedudukan yang asal dan selamat sepanjang kenderaan RV bergerak di atas jalan.
- d) semua kemudahan dan kelengkapan yang terdapat di dalam kenderaan RV tidak dibenarkan digunakan semasa kenderaan RV sedang bergerak di atas jalan.

- e) struktur badan kenderaan hendaklah direka bentuk dengan kukuh dan stabil bagi menampung beban tambahan daripada kelengkapan dalaman yang dipasang secara kekal.

10.2. Had berat muatan kenderaan

- a) penetapan nilai Berat Dengan Muatan (BDM) terhadap sesebuah kenderaan RV hendaklah mematuhi peruntukan di bawah Perintah Sekatan Had Berat Kenderaan 1989 (Pindaan 2018) mengikut konfigurasi gandar dan kategori kenderaan.
- b) maklumat melibatkan Berat Tanpa Muatan (BTM) dan Berat Dengan Muatan (BDM) bagi setiap kenderaan RV hendaklah dinyatakan dengan tepat di dalam pelan teknikal kenderaan yang diluluskan oleh JPJ.
- c) sebarang pengubahsuaian teknikal terhadap kenderaan RV adalah tidak boleh menyebabkan Berat Dengan Muatan (BDM) baharunya melebihi had berat asal yang telah ditetapkan oleh pengeluar kenderaan atau had berat yang telah diluluskan oleh JPJ.

10.3. Bilangan maksimum tempat duduk penumpang

- a) Bilangan tempat duduk penumpang di dalam sesebuah kenderaan RV yang dibenarkan untuk digunakan semasa kenderaan itu bergerak hendaklah berdasarkan ketetapan berikut:

Berat Dengan Muatan (BDM)	Bilangan Tempat Duduk (Termasuk Pemandu)
Tidak melebihi 3,500kg	Tidak melebihi Lima (5) tempat duduk
3,501kg - 5,000kg	Tidak melebihi Lapan (8) tempat duduk
Melebihi 5,000kg	Tidak melebihi 12 tempat duduk

- b) tiada mana-mana orang dibenarkan berada di dalam suatu kenderaan RV jenis treler karavan semasa ianya sedang bergerak di atas jalan.

10.4. Pemasangan tempat duduk penumpang dan tali pinggang keledar

- a) setiap tempat duduk penumpang di ruangan rekreasi (ruang makan / istirahat) yang akan digunakan semasa kenderaan bergerak di atas jalan hendaklah dilengkapi dengan tali pinggang keledar jenis tiga titik (*3-point*) untuk penumpang bagi kenderaan RV yang memiliki BDM tidak melebihi 5,000kg.

- b) setiap tempat duduk penumpang di ruangan rekreasi (ruang makan / istirahat) yang akan digunakan semasa kenderaan bergerak di atas jalan hendaklah dilengkapi dengan tali pinggang keledar jenis dua titik (*2-point*) untuk penumpang bagi kenderaan RV yang memiliki BDM melebihi 5,000kg.
- c) pemasangan tempat duduk tersebut bagi jenis *side-facing* atau *rearward-facing* adalah dibenarkan.
- d) setiap pemasangan tempat duduk dan tali pinggang keledar itu hendaklah mematuhi piawaian di bawah Peraturan UN atau Malaysian Standard (MS).
- e) mana-mana tempat duduk yang tidak mematuhi perenggan (d) di atas adalah tidak dibenarkan untuk digunakan semasa kenderaan sedang bergerak.

10.5. Sistem pendawaian elektrik tambahan dan penggunaan kelengkapan elektrik

- a) mana-mana kenderaan RV yang dilengkapi dengan sistem pendawaian elektrik tambahan melalui penggunaan inverter, pemasangan tersebut hendaklah memiliki kelulusan pemeriksaan dan ujian daripada juruteknik elektrik yang berdaftar dengan JPJ yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya PW2 daripada Suruhanjaya Tenaga (ST).
- b) sistem pendawaian dan kelengkapan elektrik yang dipasang hendaklah mematuhi keperluan Garis Panduan Pengeluaran Dokumen Kerja Dalaman (IWSe) Berkaitan Pendawaian Elektrik Tambahan Dalam Kenderaan Motor yang ditetapkan oleh JPJ. Ketetapan ini tidak terpakai terhadap suatu model kenderaan RV yang telah memiliki suatu Sijil VTA.
- c) mana-mana kelengkapan elektrik yang digunakan di dalam kenderaan RV seperti periuk nasi elektrik, cerek elektrik dan seumpamanya hendaklah dalam keadaan baik dan selamat selaras ketetapan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959.

10.6. Peralatan memasak yang menggunakan sumber bahan api daripada *Liquefied Petroleum Gas* (LPG) yang diperaku oleh pihak bertauliah.

- a) mana-mana kenderaan RV yang dilengkapi dengan peralatan memasak menggunakan sumber bahan api daripada LPG hendaklah sekurang-kurangnya telah dilengkapi dengan perkara berikut:
- satu (1) unit alat pemadam api jenis serbuk kering (*Dry Powder*) berkapasiti sekurang-kurangnya 4kg yang dipasang di lokasi mudah dicapai;
 - sistem pengudaraan mencukupi terutamanya bagi ruang yang dilengkapi dapur atau tangki LPG;
 - sistem pengesanan kebocoran gas (*LPG leak detector*);
 - pintu kecemasan atau tingkap boleh buka (*escape window*) bagi kenderaan RV kategori *motorhome* dan *camper van* yang bersaiz besar; dan
 - semua bahan binaan dalaman di ruang menginap hendaklah menggunakan bahan tahan api minimum (*flame retardant*).

10.7. Pemasangan *tinted film* dan cermin/panel kaca

- a) setiap cermin atau panel kaca yang dipasang pada mana-mana kenderaan RV hendaklah mempunyai pematuhan kepada piawaian Malaysian Standard (MS) 595 atau Peraturan UN R43.
- b) pemasangan *tinted film* pada mana-mana cermin atau panel tersebut hendaklah mematuhi ketetapan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Penggunaan Kaca atau Bahan Lutsinar Lain) 1991 iaitu memastikan pemancaran menerusi cermin atau panel tersebut sekurang-kurangnya 70% cahaya tampak.
- c) Penggunaan suatu tirai atau bidai sebagai penghadang cahaya pada mana-mana cermin atau panel tersebut adalah dibenarkan kecuali pada tingkap tepi di sebelah sisi kiri atau kanan pemandu kenderaan RV.

10.8. Pemasangan tangki dan sistem pembuangan air / pembentungan

- a) tangki air bersih dan tangki kumbahan hendaklah diperbuat daripada bahan tahan karat atau tahan hakisan serta direka bentuk dengan sistem pengudaraan dan penyaliran yang selamat.

- b) pemasangan tangki tersebut hendaklah kukuh, tidak mengganggu sistem gantungan, gandar atau kelegaan tanah (*ground clearance*) serta mudah diakses untuk pemeriksaan dan penyelenggaraan.
- c) reka bentuk dan pemasangan tangki tersebut hendaklah dipastikan supaya tiada kemungkinan kandungannya dilepaskan secara langsung ke atas jalan raya semasa kenderaan sedang bergerak.

10.9. Penandaan pada badan kenderaan bagi setiap kenderaan RV yang dilesenkan sebagai kegunaan perdagangan hendaklah mempunyai penandaan yang jelas melibatkan maklumat yang telah ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959, iaitu melibatkan perkara berikut:

- a) Berat Tanpa Muatan (BTM);
- b) Berat Dengan Muatan (BDM);
- c) Nama Syarikat Penyediaan Perkhidmatan Kenderaan Sewa-Pandu Pelancong; dan
- d) Tanda Had Kelajuan yang dibenarkan.

10.10. Ketetapan kenderaan penarik bagi treler karavan

- a) mana-mana kenderaan RV bagi sub-kategori treler karavan (TKV) hendaklah ditarik oleh sebuah kenderaan motor lain yang telah dilesenkan bagi kegunaan persendirian atau kenderaan perdagangan yang mempunyai lima (5) muatan duduk.
- b) Berat Dengan Muatan (BDM) bagi treler karavan tersebut hendaklah tidak melebihi 85% daripada *kerb weight* kenderaan penarik bagi memastikan kestabilan dan keselamatan gabungan kenderaan tersebut semasa bergerak di atas jalan raya.
- c) sistem sambungan di antara kenderaan penarik dengan treler karavan tersebut hendaklah menggunakan mekanisme *hinge / coupling* yang telah direka bentuk dan dipasang mengikut Peraturan UNR55 atau mana-mana standard yang diiktiraf oleh JPJ,
- d) setiap kenderaan penarik hendaklah dilengkapi dengan suatu rekabentuk cermin sisi yang bersesuaian, sekiranya menarik treler karavan yang mempunyai lebar keseluruhan melebihi daripada lebar keseluruhan badan kenderaan penarik itu.
- e) sistem brek pada treler karavan hendaklah berfungsi secara automatik atau serentak apabila kenderaan penarik membrek.

- f) semua sambungan bekalan kuasa elektrik di antara kenderaan penarik dengan treler karavan hendaklah teratur supaya setiap lampu (brek/penunjuk arah/plat nombor pendaftaran) pada treler karavan berfungsi dengan baik semasa bergerak di atas jalan selaras ketetapan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959.

11. SYARAT-SYARAT KELULUSAN PELESENAN KENDERAAN REKREASI

11.1. Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA)

- a) setiap model kenderaan RV baharu bagi kategori kenderaan pemasangan tempatan (CKD) oleh pengeluar asal kenderaan atau kenderaan import baharu (CBU) hendaklah terlebih dahulu memperoleh suatu Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) daripada JPJ sebelum ianya layak dipasarkan dan dilesenkan bagi kegunaan di jalan.
- b) sijil kelulusan VTA tersebut perlu dibawa bersama semasa kenderaan RV yang terlibat menjalani Pemeriksaan Awalan di peringkat Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) atau urusan lain yang berkaitan untuk pemeriksaan lanjut;
- c) perincian lanjut mengenai kerangka pelaksanaan prosedur VTA tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

11.2. Kelulusan Sijil Timbang Berat dan Pelan Teknikal

- a) setiap kenderaan RV yang dibina hendaklah memiliki suatu kelulusan Sijil Timbang Berat (*Weight Certificate*) dan pelan teknikal yang telah diperakukan oleh Jurutera Profesional berdaftar dengan JPJ.
- b) senarai nama jurutera professional yang berdaftar tersebut boleh diakses melalui portal rasmi JPJ iaitu www.jpj.gov.my.
- c) pelan Teknikal kenderaan RV hendaklah menunjukkan butiran terperinci dimensi kenderaan, reka bentuk struktur, susun atur dalaman, pemasangan sistem air dan pembentungan, sistem elektrik, had berat, sistem brek dan lain-lain.

11.3. Bengkel Kejuruteraan

- a) pembinaan badan baharu kenderaan RV pada suatu model casis-cab yang telah memiliki sijil VTA atau pengubahsuaian kenderaan RV telah berdaftar hanya boleh dilakukan di bengkel kejuruteraan yang berdaftar dengan JPJ, mempunyai kepakaran berkaitan pembinaan badan kenderaan RV serta kemudahan teknikal mencukupi untuk menjalankan aktiviti tersebut mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
- b) senarai bengkel kejuruteraan tersebut boleh diakses melalui portal rasmi JPJ iaitu www.jpj.gov.my.

11.4. Pemeriksaan Awalan dan Berkala

- a) semua kenderaan RV yang akan dilesenkan sebagai kegunaan perdagangan hendaklah menjalani Pemeriksaan Awalan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) sebelum ianya dilesenkan oleh JPJ. Pemeriksaan mandatori ini adalah untuk memastikan pematuhan terhadap spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.
- b) pemeriksaan ini merangkumi aspek keselamatan struktur, sistem brek, pemasangan dalaman, sistem elektrik, serta fungsi peralatan keselamatan.
- c) seterusnya, kenderaan RV tersebut hendaklah menjalani pemeriksaan berkala bagi setiap enam (6) bulan untuk memastikan tahap keselamatan dan kebolegunaan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan baik.



12. KELAS LESEN MEMANDU KENDERAAN REKREASI

Perincian lanjut mengenai Kelas Lesen Memandu bagi Kenderaan Rekreasi adalah seperti di **LAMPIRAN D**.

13. PENGUATKUASAAN

Mana-mana orang yang tidak mematuhi Garis Panduan ini akan dikenakan tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 (Akta 594).

PENGELASAN KENDERAAN REKREASI DI PERINGKAT JPJ

BIL.	SUB-KATEGORI KENDERAAN REKREASI		KOD JENIS BADAN - SISTEM MYSIKAP	KOD KEGUNAAN
1.	<i>Motorhome / Camper Bus</i>	<p>suatu kenderaan motor bagi jenis badan bas (kategori M₂ dan M₃) yang telah diubahsuai / direkabentuk bagi disesuaikan sebagai Kenderaan Rekreasi (RV).</p> <p>Contoh rekabentuk kenderaan:</p>  	MTH	DB

BIL.	SUB-KATEGORI KENDERAAN REKREASI		KOD JENIS BADAN - SISTEM MYSIKAP	KOD KEGUNAAN
2.	<i>Karavan / Camper Van</i>	<p>suatu kenderaan motor bagi jenis badan van yang telah diubahsuai / direkabentuk bagi disesuaikan sebagai Kenderaan Rekreasi (RV).</p> <p>Contoh rekabentuk kenderaan:</p>   <p>“Van” adalah suatu kenderaan motor yang mempunyai ciri-ciri berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • pintu jenis berengsel pada kiri dan kanan bahagian hadapan; • pintu jenis gelongsor pada sebelah sisi bahagian belakang; • tingkap jenis yang boleh diturunkan di bahagian hadapan dan gelongsor di kedua-dua sisi bahagian belakang. 	KVN	DB


BIL.	SUB-KATEGORI KENDERAAN REKREASI		KOD JENIS BADAN - SISTEM MYSIKAP	KOD KEGUNAAN
3.	Treler Karavan	<p>suatu center-axle trailer (kategori O₁, O₂, O₃ dan O₄) yang telah diubahsuai / direkabentuk bagi disesuaikan sebagai Kendaraan Rekreasi (RV).</p> <p>Contoh rekabentuk kenderaan:</p> 	TKV	DB
4.	Camper Pick-up / Camper Truck	<p>suatu kenderaan motor bagi jenis membawa barangan (kategori N₁, N₂ dan N₃) yang telah diubahsuai / direkabentuk bagi disesuaikan sebagai Kendaraan Rekreasi (RV).</p> <p>Contoh rekabentuk kenderaan:</p> 	CPT	DB

BIL.	SUB-KATEGORI KENDERAAN REKREASI		KOD JENIS BADAN - SISTEM MYSIKAP	KOD KEGUNAAN
				

Nota :

Maklumat lanjut mengenai kategori M_x , N_x dan O_x adalah merujuk kepada dokumen ECE/TRANS/WP.29/78 : *Consolidated Resolution on the Construction of Vehicles (R.E.3)* di bawah rangka kerja *World Forum for Harmonization of Vehicle Regulations (WP29)*

CARTA ALIR PROSEDUR UNTUK PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN REKREASI (RV)



Nota :

(VTA)₁ – merujuk kepada sesebuah kenderaan RV baharu bagi kategori kenderaan binaan tempatan secara CKD oleh pengeluar asal kenderaan atau kenderaan import baharu secara CBU.

Kerangka Pelaksanaan Prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA)

1. Kelulusan Jenis Kenderaan / *Vehicle Type Approval* (VTA) telah dikuatkuasakan oleh pihak JPJ bagi memastikan setiap model kenderaan baharu yang akan dipasarkan ke dalam pasaran domestik telah memenuhi ketetapan pembinaan, spesifikasi dan ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedahnya;
2. Prosedur VTA ini merupakan suatu prosedur mandatori yang perlu dilalui oleh setiap model kenderaan baharu sahaja sama ada binaan tempatan (CKD) atau import baharu (CBU) sebelum ianya dibenarkan untuk diperkenalkan ke dalam pasaran domestik seterusnya akan didaftarkan dan dilesenkan bagi kegunaan di atas jalan raya;
3. Oleh yang demikian, pengeluar kenderaan adalah dikehendaki terlebih dahulu mendapatkan suatu kelulusan daripada pihak JPJ di bawah prosedur VTA ini terhadap setiap model kenderaan baharu masing-masing sebelum kenderaan yang berkenaan dapat dipasarkan dan didaftarkan di Malaysia;
4. Di bawah prosedur VTA itu, pihak JPJ telah menetapkan pematuhan terhadap Peraturan *United Nations* (UNR) sebagai penanda aras utama standard keselamatan mandatori kenderaan di Malaysia iaitu kesinambungan kerajaan Malaysia selaku Negara Perjanji kepada Perjanjian 1958 di bawah rangka kerja *World Forum for Harmonization of Vehicle Regulations* (WP29);
5. Berdasarkan kepada kerangka VTA semasa, setiap permohonan kelulusan VTA adalah dikehendaki untuk melepasi setiap proses penilaian di peringkat Bahagian Kejuruteraan Automotif - Ibu pejabat JPJ sebelum suatu kelulusan dapat diputuskan oleh Ketua Pengarah JPJ, iaitu mengikut tertib seperti berikut:
 - 5.1. melaksanakan semakan dokumen pematuhan standard mandatori dan dokumen sokongan yang berkenaan;
 - 5.2. melaksanakan pemeriksaan pematuhan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedahnya, penandaan standard mandatori di peringkat kenderaan dan pengujian ciri-ciri *roadworthiness* kenderaan;
 - 5.3. melaksanakan verifikasi di antara dokumen pematuhan standard mandatori dengan spesifikasi pembinaan sebenar kenderaan yang berkenaan; dan
 - 5.4. mendapatkan pertimbangan kelulusan VTA daripada Ketua Pengarah JPJ.

6. Bagi kategori kenderaan RV, berikut adalah kadar bayaran fi bagi setiap permohonan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA):

Kadar Fi Permohonan		Kadar Fi Perkhidmatan (Baharu & Semula)
Fi Permohonan (Baharu)	Fi Permohonan (Semula)	
RM1,000	RM500	RM500

7. Setiap permohonan VTA hendaklah dikemukakan kepada JPJ secara atas talian menerusi modul eVTA di dalam sistem MySIKAP;
8. Kelulusan terhadap suatu permohonan VTA akan diperolehi dalam tempoh 14 hari bekerja, namun ianya bergantung kepada dokumen permohonan yang lengkap, pemeriksaan fizikal kenderaan telah dilaksanakan dan kestabilan sistem MySIKAP; dan
9. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai VTA adalah perlu merujuk kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif – ibu pejabat JPJ Malaysia sahaja.

LESEN MEMANDU BAGI KENDERAAN REKREASI (RV)

Kelas Lesen Memandu Malaysia (LMM) yang diperlukan untuk memandu Kenderaan RV adalah seperti berikut:

Kategori RV	Berat Tanpa Muatan (BTM)	Kelas Lesen	Keterangan
<i>Motorhome / Camper Bus</i>	> 3,500 kg	Kelas E	Kelas LMM sedia ada yang diperlukan untuk memandu Motokar BTM melebihi 7,500 kg.
<i>Karavan / Camper Van</i>	≤ 3,500 kg	Kelas D/DA	Kelas LMM sedia ada yang diperlukan untuk memandu Motokar BTM tidak melebihi 3,500 kg.
	> 3,500 kg	Kelas E	Kelas LMM sedia ada yang diperlukan untuk memandu Motokar BTM melebihi 7,500 kg.
<i>Camper Pick-up / Camper Truck</i>	≤ 3,500 kg	Kelas D/DA	Kelas LMM sedia ada yang diperlukan untuk memandu Motokar BTM tidak melebihi 3,500 kg.
	> 3,500 kg	Kelas E	Kelas LMM sedia ada yang diperlukan untuk memandu Motokar BTM melebihi 7,500 kg.

Kategori RV	Berat Tanpa Muatan (BTM) Kendaraan Penunda + Treler Karavan	Berat Tanpa Muatan (BTM) Treler Karavan	Kelas Lesen	Keterangan
Treler Karavan	≤ 3,500 kg	≤ 750 kg	Kelas D/DA	Kelas LMM sedia ada yang diperlukan untuk memandu Motokar BTM tidak melebihi 3,500 kg.
	≤ 3,500 kg	> 750 kg	Kelas DT/DAT	Kelas LMM baharu/ naik taraf yang akan dibangunkan untuk memandu Motokar BTM tidak melebihi 3,500 kg bersama treler melebihi 750 kg. Gabungan berat kenderaan penunda dan treler tidak melebihi 3,500 kg.
	> 3,500 kg	> 750 kg	Kelas E	Kelas LMM sedia ada yang diperlukan untuk memandu Motokar BTM melebihi 7,500 kg.